



SIARAN MEDIA

MAJLIS DAERAH PEKAN LAYAK DINAIK TARAF KEPADA MAJLIS PERBANDARAN PEKAN, KPKT PERSEMBAH KEPADA KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

PUTRAJAYA, 24 Februari 2023 – KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan menerima sembah taklimat daripada YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Istana Negara, semalam.

YB KM dalam sembahnya, menyampaikan berita baik Majlis Daerah Pekan (MDP) telah layak dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Pekan (MPP) selepas memenuhi tujuh kriteria yang ditetapkan oleh KPKT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1971.

MDP diwujudkan di bawah Akta 171 pada 1 Julai 1988. Pada peringkat awal penubuhannya, MDP mula beroperasi dengan mentadbir seluas 164.95 km persegi iaitu 4.27% dari keseluruhan Daerah Pekan. Seterusnya pada 1 Oktober 2002, kawasan pentadbiran MDP telah diperluaskan dengan pertambahan kawasan dari 164.95 km persegi kepada 2,351.8 km persegi iaitu 61.8 peratus daripada keseluruhan Daerah Pekan. Kawasan operasi utama MDP termasuklah Pekan, Chini, Nenasi dan Kuala Pahang.

Antara kriterianya ialah; mempunyai pendapatan daripada sumber kewangan yang mampan melebihi RM 20 juta setahun, dan kepadatan penduduk 150,000 orang. MDP juga mempunyai keupayaan menyediakan peluang kepada para peniaga dan menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial; mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan dan konsep perancangan bandar yang mampan; serta mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti.

Seri Paduka Baginda menzahirkan rasa gembira dengan sembah taklimat berkenaan, lebih-lebih lagi Pekan adalah bandar kelahiran Baginda. Seri Paduka Baginda turut menyifatkan sembah taklimat itu sebagai cenderahati yang amat bermakna sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda kelak.

Seri Paduka Baginda juga perkenan untuk hadir ke majlis pemasyhuran MPP pada suatu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Ketika sesi menghadap Seri Paduka Baginda, YB KM turut mempersembahkan jersi pasukan bola sepak Arsenal yang ditempah khusus dengan nama dan nombor kegemaran Baginda.

Turut hadir dalam sesi sembah taklimat ini, ialah Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan Dato' Fadzli Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan.

Susulan dari sembah taklimat ini, KPKT akan membentangkan cadangan untuk menaik taraf Majlis Daerah Pekan kepada Majlis Perbandaran Pekan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat untuk pertimbangan serta kelulusan Jemaah Menteri. Tindakan selanjutnya bagi tujuan pewartaan akan diselaraskan bersama Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha*

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

